

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN
MALEK [KUALA PILAH]**

NO. SOALAN : 28

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah tarikh sebenar projek pembinaan Maktab Rendah Sains MARA Kuala Pilah, yang telah dimaklumkan semenjak RMK-10 lagi, akan dimulakan pembinaannya. Apakah terdapat lagi isu-isu yang belum selesai sedangkan jabatan penilaian sendiri telah menyempurnakan penilaian bagi kos pengambilan tanah yang terlibat.

74

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 29 September 2017, MARA telah mengemukakan pelan pengambilan balik tanah kepada Pejabat Tanah Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Kertas kerja pengambilan balik tanah sedang disediakan oleh Pejabat Tanah Daerah Kuala Pilah bagi mendapatkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.